

DATE: 14/7/2008



Tun Dr Mahathir mengaminkan doa sebelum majlis makan tengah hari dimulakan. Kelihatan disebelah kanan, Tan Sri Mustapha Kamal, Datuk Mohd Ibrahim Nor dan kiri Datuk Idris Tulis.



Tun Dr Mahathir diapit isteri tercinta, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali kelihatan gembira melihat birthday cake yang disediakan khas untuk Tun Dr Mahathir. Kelihatan disebelah kanan Tun Dr Mahathir ialah Encik Sabri Ab Rahman dan Encik Juhaidi Abdullah yang kedua-duanya menjadi tuan rumah di restoran mereka, Kelantan Delights.

“Selamat hari Lahir” Tun Dr Mahathir

Era Baru - 14/7/2008

TUN Dr Mahathir Mohamad telah merayakan hari kelahirannya yang ke-83 yang jatuh pada hari Khamis bersamaan 10 Julai, 2008, disatu majlis sederhana yang diadakan di restoran Kelantan Delights di bangunan SOOKA, KL Central.

Majlis makan tengah hari itu telah dihoskan oleh pemilik restoran tersebut iaitu Encik Sabri Ab Rahman dan Encik Juhaidi Abdullah. Turut hadir dimajlis itu ialah bekas Wanita Pertama Malaysia, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang akan menyambut hari kelahirannya pada 12 Julai, 2008. Para jem-

putan lain termasuk Tan Sri Mustapha Kamal, Datuk Ahmad Talib, Datuk Idris Tulis dari ERABARU dan beberapa pegawai tinggi dari MRCB.

Tun Dr Mahathir kelihatan ceria sepanjang majlis tersebut dan sempat memberi ucapan pendek untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada tuan rumah kerana mengadakan majlis itu untuk mengingati hari kelahirannya.


Juru gambar ERABARU, **Abdul Mutalib Adnin** sempat merakamkan gambar-gambar sebagai kenangan manis untuk semua yang hadir.



Tun Dr Mahathir menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada para hadirin dan kepada Encik Sabri Ab Rahman serta Encik Juhaidi Abdullah yang menjadi tuan rumah.



Bergambar kenangan ... Tuan-tuan punya restoran serta kakitangan bergambar kenangan dengan Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.



Encik Sabri Ab Rahman menghadihkan buah tangan kepada Tun Dr Mahathir sambil diperhatikan oleh Tun Dr Siti Hasmah.